

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

KKM bimbang unjuran 500 kes COVID-19 pada Mei tidak dapat dicapai

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Unjuran untuk angka harian COVID-19 di negara ini menurun kepada 500 kes, bulan depan, mungkin tidak dapat dicapai, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Malah, beliau berkata, jumlah kes ketika ini adalah membimbangkan dengan kadar kebolehjangkitan (Rt) mencecah nilai 1.06.

Katanya, ia berikutan kemerosotan patuhan orang ramai terhadap prosedur operasi standard (SOP).

“Perkara itu dan kerjasama

perlu diberi penekanan untuk memastikan orang awam mematuhi semula prosedur ditetapkan.

“KKM akan melakukan langkah pencegahan dan kawalan khususnya dengan memberi ketutamaan kepada negeri yang merekodkan kenaikan kes seperti Selangor, Sarawak, Pulau Pinang dan Johor,” katanya pada sidang media bersama Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, di sini, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Tiga negeri rekod kadar imunisasi rendah

Kuala Terengganu: Terengganu, Kelantan dan Sabah antara negeri yang merekodkan kadar pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan terendah.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata tiga negeri itu merekodkan pendaftaran antara 12 hingga 28 peratus.

"Pendaftaran untuk program imunisasi di ketiga-tiga negeri ini masih rendah dan kita khuatir ia akan mengganggu hasrat kerajaan dapat diselesaikan sebelum hujung tahun ini.

"Walaupun sasaran awal pada Mac tahun depan tetapi kerajaan memutuskan supaya disegerakan kerana kita mahu memulihkan ekonomi rakyat.

"Setakat ini, hanya 8.4 juta daripada 24 juta orang yang disasarkan sudah berdaftar dan jumlah ini masih lagi jauh dan sebab itu kita menyeru rakyat untuk segera mendaftar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Makan Malam Perdana Media Bersama Ahli Parlimen Kuala Terengganu, di sini kelmarin.

Ahmad Amzad berkata, selain pendaftaran melalui MySejahtera, kerajaan turut menggerakkan sukarelawan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVac) bagi membantu urusan pendaftaran berkenaan.

Katanya, sukarelawan terbabit turut digerakkan di kawasan kampung, pasar dan tempat tumpuan awam bagi membantu orang ramai termasuk warga emas melakukan pendaftaran vaksin.

Kadar kebolehhajangan meningkat semula

10 negeri catat kadar Rt lebih 1.0, Terengganu tertinggi 1.56

Oleh Suzalina Halid dan Noor Atiqah Sulaiman, bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar kebolehhajangan COVID-19 atau R naught (Rt) berdasarkan angka harian kes di seluruh negara, kelmarin, meningkat semula kepada 1.06 yang menyaksikan Terengganu mendahului dengan 1.56.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kadar Rt pada Jumaat lalu juga mencatatkan 1.06 sebelum menurun kepada 1.03 kesokannya tetapi kembali kepada 1.06, kelmarin.

Berdasarkan data dikongsi dalam Facebook beliau, negeri lain yang turut merekodkan kadar Rt melebihi 1.0 ialah Putrajaya (1.34), Sabah (1.21), Kelantan (1.15), Sarawak (1.08), Perak (1.07), Kedah (1.06), Labuan (1.05), Kuala Lumpur (1.05) dan Selangor (1.02).

Tiga negeri mencatat kadar Rt bawah 1.0 ialah Pulau Pinang dan Pahang yang masing-masing merekodkan 0.96, selain Johor (0.88).

Perlis pula mencatat Rt sifar berikutan tiada kes COVID-19 dilaporkan.

Nilai Rt terendah yang pernah direkodkan di negara ini ialah



Anggota polis dan tentera memeriksa kenderaan yang melalui sekatan jalan raya di Tol Gombak, semalam. (Foto Fariz Iswasi Ismail/BH)

0.81 pada 3 Mac lalu.

Sementara itu, sebanyak 1,317 jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan, semalam menjadikan jumlah kumulatifnya mencecah 362,173 dengan 15,835 kes aktif.

Jumlah itu meliputi 1,305 penularan tempatan serta 12 kes import, dengan Sarawak menyumbang kes tertinggi sebanyak 351 jangkitan, diikuti Selangor (303) dan Kuala Lumpur (116).

Dr Noor Hisham berkata, empat kematian baharu akibat COVID-19 dilaporkan membabitkan rakyat Malaysia, semalam memba-

wa kepada jumlah kumulatif 1,333 kes (0.37 peratus).

Dua kes terbabit direkodkan di Kuala Lumpur dan masing-masing satu di Sabah serta Selangor.

Selain itu, katanya, 10 kluster baharu COVID-19 dikesan, semalam membabitkan tujuh kluster tempat kerja dan tiga kluster komuniti.

Beliau berkata, kluster tempat kerja berkenaan membabitkan pekerja kilang, pusat kecergasan, pusat pentadbiran awam dan syarikat perkhidmatan.

"Kluster tempat kerja ialah Kluster Leepang dan Indera Mahkota Tiga di Pahang; Industri Ba-

lakong Lapan, Selangor; Jalan Perjiranan Empat, Johor; Jalan Stadium Empat, Kelantan; Ara Murni, Terengganu, serta Persiaran Salahuddin, Putrajaya.

"Kluster komuniti pula ialah Kluster Kabu di Kedah; Kampung Paya Pulau, Pahang; dan Jalan Canning Estate, Perak," katanya.

Dalam pada itu, seramai 1,052 pesakit COVID-19 dilaporkan sembuh, semalam, menjadikan jumlah kumulatifnya 345,005 kes (95.3 peratus), manakala 188 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 84 memerlukan bantuan pernafasan.

Sarawak turut catat peningkatan membimbangkan

Dari Muka 1

Sebelum ini, KKM mengunjurkan angka harian COVID-19 boleh menurun kepada 500 kes, bulan depan, mengikut Rt kurang daripada 1.0.

Semalam, Malaysia mencatatkan 1,317 kes baharu COVID-19.

Mengenai situasi COVID-19 di Sarawak, Dr Adham berkata, negeri itu turut mencatat peningkatan membimbangkan dengan Rt 1.03, malah melaporkan 351 jangkitan baharu, semalam.

Berdasarkan pemantauan dan analisis dijalankan bagi 2021, Dr Adham berkata, trend COVID-19 di Sarawak didapati semakin meningkat bermula 9 Januari lalu.

Katanya, sebanyak 39 kluster COVID-19 dikesan di Sarawak sejak awal tahun ini membabitkan komuniti berkaitan perhimpunan, aktiviti sosial dan rentas daerah.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya akan membincangkan langkah segera yang perlu diambil, termasuk keperluan

sumber bagi mengekang penularan COVID-19.

"Ya termasuk melihat keperluan sumber seperti peralatan perubatan, alat perlindungan peribadi (PPE), logistik dan keperluan ujian makmal," katanya.

Beliau berkata, mobilisasi dan peralatan serta kesiapsiagaan perlu diambil untuk menangani situasi di Sarawak, termasuk penubuhan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di beberapa kawasan bandar.



Dr Adham Baba menunjukkan graf kadar kebolehhajangan COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Terkini COVID-19 1,052

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

1,317 Kes baharu disahkan, semalam

1,333 Jumlah kematian dicatat

362,173 jumlah kes disahkan positif

15,835 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Warga emas terima vaksin Sinovac

Keputusan JKJAV selepas ambil kira data terkini, amalan penggunaan di negara lain

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia akan melaksanakan pemberian vaksin Sinovac kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas dalam Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bermula 19 April ini.

Menteri penyelaras program berkenaan, Khairy Jamaluddin, berkata berdasarkan amalan

penggunaan, vaksin jenis itu selamat dan stabil untuk warga emas.

Katanya, ia diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) selepas mengambil kira data terkini serta perkembangan amalan penggunaan di negara lain yang menunjukkan vaksin itu adalah selamat, berkesan dan stabil untuk diberikan kepada warga emas.

Beliau berkata, antara negara yang sudah memberikan vaksin jenis itu kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas ialah Turki membabitkan 11 juta penerima, Brazil lebih tujuh juta penerima dan Chile lebih tiga juta penerima.

Khairy berkata, berdasarkan ujian klinikal di Brazil dan hasil semakan mendapati peratus keberkesanan Sinovac ialah 83.7 peratus bagi kes sederhana dan 100 peratus bagi kes tenat.

Mengenai jumlah pendaftaran mendapatkan vaksin, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, sehingga ini, seramai 8.513 juta berbuat demikian.

Beliau berkata Putrajaya, Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan merekodkan pendaftaran paling tinggi dari segi nisbah penduduk, manakala Sabah, Kelantan, Pahang, Terengganu dan Kedah masih perlahan.

Khairy berkata sejumlah 31,776 janji temu telah dihantar kepada penerima vaksin fasa kedua melalui aplikasi MySejahtera dan khidmat pesanan ringkas (SMS).

Daripada 31,776 janji temu yang dihantar, 13,218 sudah jawab akan hadir, 343 menjawab mereka tidak hadir, dan 18,215 atau 57 peratus lagi masih belum memberikan pengesahan kehadiran.



Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula 19 April ini.

(Foto hiasan)

Saya mohon kepada mereka yang telah terima butiran janji temu untuk menjawab sama ada mereka akan hadir atau tidak kerana ini membolehkan kita membuat perancangan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV)," katanya pada sidang media bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, semalam.

Beliau berkata bagi mereka yang menjawab tidak dapat hadir, tarikh untuk mereka me-

terima vaksin COVID-19 akan dijadualkan semula dan sekiranya masih enggan hadir, pihaknya akan menyasat punca keengganan.

Beliau berkata, sehingga ini, seramai 583,903 individu sudah menerima satu dos suntikan, manakala 395,891 menerima dua dos penuh vaksin.

Katanya, Malaysia sudah menerima 1.37 juta dos vaksin COVID-19.



PDN Donation Suite di Mid Valley Megamall akan beroperasi setiap hari dari 10 pagi hingga 9 malam sepanjang Ramadan.

(Foto hiasan)

Pusat Darah Negara lanjut waktu operasi pada Ramadan

Kuala Lumpur: Pusat Darah Negara (PDN) melanjutkan waktu operasinya sepanjang Ramadan bagi memudahkan penderma darah beragama Islam untuk menderma darah selepas berbuka puasa.

Dalam satu hantaran yang dikongsikan PDN melalui Facebooknya, PDN Jalan Tun Razak akan beroperasi bermula jam 7.30 pagi hingga 9 malam pada Isnin hingga Jumaat, manakala Sab-

tu dan Ahad serta cuti umum pula dari jam 8 pagi hingga 4 petang.

Bagi PDN Donation Suite di Mid Valley Megamall, ia akan beroperasi setiap hari dari jam 10 pagi hingga 9 malam sepanjang Ramadan ini.

Suite Derma Darah PUSPANITA di Presint 10, Putrajaya pula akan beroperasi dari 8 pagi hingga 4 petang pada Sabtu hingga Rabu dan 1 tengah hari hingga 8.30 malam setiap

Khamis dan Jumaat.

"Penderma darah bukan beragama Islam diseru untuk tampil menderma darah sepanjang Ramadan ini bagi memastikan stok darah kekal selamat," menurut hantaran itu sambil memaklumkan, makanan terbuka disediakan di PUSPANITA (tertakluk kepada 15 penderma terawal) dan PDN, Jalan Tun Razak (tertakluk 30 penderma terawal).

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19



MENTERI Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin bersama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba (kiri) pada sidang media perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, semalam.

Hospital swasta turut terbabit sebagai PPV

Putrajaya: Hospital swasta dibabitkan dalam Fasa 2 dan 3 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV), kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersetuju dengan pembabitan hospital swasta dalam program imunisasi itu berlandaskan prinsip *vaccine equity* apabila kerajaan memberikan vaksin secara percuma kepada semua.

Katanya, pembabitan hospital swasta itu mengambil kira cadangan dikemukakan

pihak hospital swasta yang tidak mahu terkecuali dalam menggembelng tenaga bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk Malaysia diberikan imunisasi Covid-19 dicapai segera.

“Oleh itu, kerajaan memberikan vaksin secara percuma kepada hospital swasta bagi memaksimumkan akses pengagihan vaksin dengan lebih meluas kepada rakyat,” katanya dalam sidang media perkembangan program imuni-

sasi Covid-19 bersama Menteri Penyelaras program Khairy Jamaluddin di sini, semalam.

Hospital swasta yang ingin mengambil bahagian boleh mendaftar melalui *ProtectHealth Corporation Sdn Bhd* (ProtectHealth) di laman web www.protecthealth.com.my bermula semalam.

Dr Adham berkata, melalui laman web itu juga, hospital swasta boleh mendapatkan

maklumat berkaitan kaedah vaksinasi, skop tugas, keperluan, kadar bayaran dan kaedah pembayaran.

Pada masa ini terdapat 203 hospital swasta di seluruh negara.

Pada 8 Mac lalu, KKM mengumumkan pembabitan Pengamal Perubatan Am Swasta (GP) dalam Fasa 2 dan Fasa 3 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Mengenai membabitkan GP dalam program imunisasi itu, Dr Adham berkata, jumlah pendaftaran GP hingga kelmarin seramai 2,304 orang.

Pada masa ini terdapat 203 hospital swasta di seluruh negara

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Sarawak catat kes harian tertinggi

Kuala Lumpur: Jumlah kes baharu positif Covid-19 dalam negara semalam mencatatkan 1,317 kes dengan Sarawak mencatatkan kes harian tertinggi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, terdapat 12 kes import memabitkan lapan warganegara dan empat bukan warganegara manakala 1,305 kes lagi adalah kes tempatan.

Menurutnya, dengan jumlah terbaharu itu menjadikan kumulatif kes di negara ini adalah 362,173 kes dengan 15,835 kes aktif.

Kata-

nya,

Sarawak mencatat jumlah kes harian tertinggi dengan 351 kes direkodkan, semalam.

"Ia disusuli Selangor 303 kes, Kuala Lumpur (116), Pulau Pinang (112) dan Sabah (109)," katanya.

Menurutnya, sebanyak empat kematian dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatifnya 1,333 kes.

Katanya, kes sembuh pula sebanyak 1,052 menjadikan jumlah kumulatif sembuh adalah 345,005 kes.

Dr Noor Hisham berkata, 188 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan

84 kes memerlukan bantuan pernafasan.

**1,317 kes
baharu positif
Covid-19 dalam
negara direkodkan
semalam**

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Saringan sendiri wanita China kesan kluster aktiviti sosial

PUTRAJAYA – Hasil saringan sendiri dijalankan oleh seorang wanita warga China berusia 34 tahun pada 10 April lalu mencekaskan kluster baharu iaitu Kluster Jalan Canning Estate di Kinta, Perak yang melibatkan sebuah aktiviti sosial.

Kluster komuniti tersebut sehingga kini mengesan 39 kes positif daripada saringan ke atas 60 individu serta membabitkan aktiviti sosial yang berlangsung di Jalan Canning Estate, Taman Canning, Ipoh.


Ia antara 10 kluster baharu dikenal pasti semalam, melibatkan tujuh kluster tempat kerja dan tiga kluster komuniti yang menyumbang 1,317 kes harian negara.

Sarawak kembali melaporkan kes tertinggi sebanyak 351 kes diikuti Selangor (303 kes) dan Kuala Lumpur (116 kes).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dua lagi kluster komuniti ialah Kluster Kabu di Baling, Kota Setar, Kuala Muda dan Kulim, Kedah dengan 21 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 22 tahun.

"Kluster Kampung Paya Pulau pula di Temerloh, Pahang dengan 10 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 67 tahun.

"Selain itu, kluster tempat



Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	1,317
Import:	12
Tempatan:	1,305
Pulih	1,052
Kematian	4
Masih dirawat	15,835
Jumlah kes sembuh	345,005
Jumlah Kematian	1,333
Jumlah kes keseluruhan	362,173

kerja ialah Kluster Leepang di Rompin dengan 23 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 41 tahun. Kluster ini melibatkan pekerja sebuah kilang di Leepang A Estate, Muadzam Shah," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Indera Mahkota Tiga di Kuantan dengan 16 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 28 tahun dan kluster ini melibatkan pekerja sebuah syarikat perkhidmatan.

"Kluster Industri Balakong Lapan di Hulu Langat, Selangor dengan 56 kes hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang.

"Seterusnya, Kluster Jalan Perjiran Empat di Johor Bahru dan Kulai, Johor dengan 19 kes iaitu kes indeks wanita berusia 25 tahun dan kluster ini melibatkan pekerja dan pelanggan sebuah pusat kecergasan," katanya.

Ujarnya, Kluster Jalan Stadium Empat pula di Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Tumpat, Kelantan dengan 35 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 37 tahun merupakan kes penyakit seperti influenza (ILI).

Ujarnya, kluster tersebut melibatkan pekerja sebuah syarikat perkhidmatan berhampiran Jalan Stadium 4, Kota Bharu.

"Kluster lain ialah Kluster Ara Murni di Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Marang, Setiu dan Kuala Nerus, Terengganu dengan 16 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 55 tahun.

"Satu lagi kluster ialah Kluster Persiaran Salahuddin di Putrajaya dan Sepang dengan 10 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 38 tahun hasil saringan kontak rapat serta melibatkan kakitangan pusat pentadbiran awam di Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1, Putrajaya," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kemerosotan kepatuhan SOP perlu diberi penekanan

PUTRAJAYA

Ujuran kes harian Covid-19 di Malaysia menurun kepada 500 pada Mei kelihatan tidak memberangsangkan ketika ini, sebaliknya membimbangkan, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Ini berikutan kemerosotan kepatuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang perlu diberi penekanan serta kerjasama bagi terus memastikan kepatuhannya.

Dalam sidang media perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bersama Menteri Penyelaras program itu, Khairy Jamaluddin Abu Bakar di sini pada Isnin, Dr Adham berkata, kadar nilai kebolehsangkitan (Rt) negara ketika ini adalah 1.06.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Situasi Covid-19 membimbangkan



FOTO: BERNAMA

Dr Adham (kiri) bersama Khairy pada sidang media perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan pada Isnin.

akan cuba memastikan segala langkah pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan Sarawak, Pulau Pinang, Selangor dan Johor yang terlibat dalam kenaikan kes dilihat sebagai keutamaan.

Sebelum ini, KKM mengunjurkan kes harian Covid-19 boleh menurun sehingga 500 pada Mei mengikut Rt kurang 1.0.

Malaysia mencatatkan jumlah kes positif Covid-19 harian sebanyak 1,739 kes pada Ahad.

Mengenai situasi Covid-19 di Sarawak, Dr Adham berkata, Rt di Sarawak ketika ini ialah 1.08 dan trend yang ditunjukkan membimbangkan.

Daripada 1,739 kes dicatatkan negara pada Ahad, Sarawak melaporkan kes harian baharu sebanyak 443 kes.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, hospital swasta akan dilibatkan dalam Fasa 2 dan 3 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Menurutnya, KKM ber-setuju melibatkan hospital swasta dalam program imunisasi itu berlandaskan prinsip *vaccine equity* yang mana kerajaan akan memberikan vaksin secara percuma kepada semua.

"Penglibatan hospital swasta itu mengambil kira cadangan yang dikemukakan pihak hospital swasta yang tidak mahu terkecuali dalam menggembleng tenaga bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk Malaysia diberikan imunisasi Covid-19 dicapai segera," katanya. -Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

KKM saran masak di rumah

Langkah berjaga-jaga perlu diambil kerana jumlah kes harian masih tidak stabil

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan orang ramai memasak di rumah sepanjang Ramadan yang bermula hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, selain dapat mengelak daripada bersesak di

bazar, memasak di rumah dapat membantu mengawal penggunaan minyak, gula dan garam berlebihan dalam makanan.

"Masak di rumah jika boleh," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, walaupun masyarakat berpeluang mengunjungi bazar Ramadan, langkah berjaga-jaga perlu diambil kerana jumlah kes harian Covid-19 masih tidak stabil di beberapa negeri.

"KKM ingin menggesa masyarakat supaya tidak leka dan mengambil iktibar penyebaran jangkitan Covid-19 daripada



DR NOOR HISHAM

aktiviti sosial seperti kunjung-mengunjungi rumah rakan dan sanak saudara, perjalanan rentas negeri atau menghadiri perhimpunan besar-besaran," katanya.

Beliau berkata, semua individu dinasihati agar sentiasa berwaspada dan mengelak kawasan yang sesak, sempit serta sebang dengan jarak dekat.

"Ia termasuk keluar dari rumah tanpa ada keperluan yang penting, menghadiri perhimpunan atau keraian berbuka puasa secara besar-besaran dan bersesak-sesak di bazar Rama-

dan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, aktiviti yang tidak terkawal itu dikhawatiri akan mengakibatkan peningkatan penularan Covid-19 dalam komuniti.

"Sepanjang Ramadan ini juga, KKM ingin mengingatkan masyarakat mengamalkan empat kunci keselamatan makanan bagi memastikan makanan yang disediakan untuk ahli keluarga adalah bersih dan selamat.

"Gunakan bahan mentah segar dan air bersih, peralatan berasingan untuk makanan mentah bagi mengelak pencemaran makanan yang telah dimasak serta masak makanan dengan sempurna.

"Pastikan ia dimakan dalam tempoh tidak melebihi dari empat jam dan simpan makanan

pada suhu bersesuaian serta tidak melebihi tiga hari di dalam peti sejuk," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Noor Hisham berkata, angka positif Covid-19 terus merekodkan peningkatan apabila 1,317 kes baharu dilaporkan KKM.

Menurutnya, peningkatan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes direkodkan seluruh Malaysia adalah sebanyak 362,173 kes.

"Terdapat empat kes kematian dilaporkan, sekali gus menjadikan jumlah kumulatifnya sebanyak 1,333 kes.

"Tiga kes kematian dilaporkan di Selangor dan satu di Sabah melibatkan kesemuanya warga tempatan berumur 45 hingga 74 tahun," kata beliau.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA






Table with 6 columns: JUMLAH KESELURUHAN (362,173), PULIH (345,005), ICU (188), KEMATIAN (1,333), KES BAHARU (+1,317), and SUDAH DIKESAN (979,794).



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Taburan kes pada 12 April

KLUSTER BAHARU
10

JUMLAH KESELURUHAN

362,173

SEMBUH

345,005

KES BAHARU

1,317

KES AKTIF

15,835

MATI

4
TEMPATAN
1,305IMPORT
12JUMLAH KEMATIAN
1,333

PERAK	21	PERLIS	2	MELAKA	11	KELANTAN	58	TERENGGANU	22	PAHANG	32
Manjung	6					Kota Bharu	36	Besut	6	Pekan	0
Kampar	2					Tumpat	5	Kuala Nerus	9	Bentong	0
Kinta	11					Pasir Mas	8	Kuala Terengganu	3	Kuantan	8
Larut Matang	0					Bachok	2	Dungun	0	Temerloh	3
										Rompin	21
PULAU PINANG	112	KEDAH	47	KUALA LUMPUR	116	JOHOR	61	SARAWAK	351	LABUAN	0
Seberang Perai	34	SELANGOR	303	PUTRAJAYA	9	Johor Bahru	31	Kuching	30	SABAH	109
Timur Laut	30	Hulu Langat	100	NEGERI SEMBILAN	63	Batu Pahat	2	Miri	16		
Barat Daya	48	Petaling	84	Seremban	58	Kulai	12	Bintulu	123		
		Klang	30	Port Dickson	4						
		Gombak	32	Tampin	1						

Covid-19: Kelantan atasi nasional

Oleh ZAAIN ZIN DAN ROSALWANI CHE SOH
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Kelantan mencatatkan kadar kebolehan jangkitan pandemik Covid-19 yang tinggi iaitu mencecah angka 1.12, melebihi peringkat nasional 1.06.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr. Izani Husin berkata, 22 peratus kes di Kelantan tiada 'epid link' iaitu kes yang tidak dapat dikaitkan dengan mana-mana kluster sedia ada.

Menurut beliau, keadaan itu menunjukkan Covid-19 sudah berada dalam komuniti dan ruang untuk berjangkit terlalu tinggi.

"Dalam masa 14 hari ini, kes jangkitan tinggi iaitu 1,029 kes dengan 24 kluster masih aktif di seluruh negeri.

"Kegusaran kita masih tinggi kerana walaupun kes harian menunjukkan penurunan, pending case atau keputusan belum diterima adalah melebihi 2,000 sampel," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Izani berkata, kadar penggunaan katil (BOR) di hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) semakin membimbangkan kerana melebihi 70 peratus malah ada yang melebihi 100 peratus.

Katanya, BOR di Hospital Tumpat sudah melebihi 113.4 peratus manakala Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP), Kuala Krai sudah 100 peratus.

"BOR PKRC Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik) mencapai 97.5 peratus, PKRC Jubli Perak (96.7 peratus), Hospital



FIRDAUS Mamat melakukan kerja pendawaian elektrik di tapak Bazar Ramadan Seberang Takir, Kuala Terengganu semalam. Pengunjung bazar itu diingatkan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti memakai pelitup muka, pemeriksaan suhu badan, daftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera sepanjang bazar berkenaan beroperasi. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Jeli (95.8 peratus), Hospital Machang (87.5 peratus), Asrama Hospital Pasir Mas (85.7 peratus), Hospital Raja Perempuan Zainab II (81.0 peratus) dan Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital

Raja Perempuan Zainab II (83.3 peratus)," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Zaini Husin memberitahu, tahap capaian pendaftaran di aplikasi mySe-

jahtera bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 di negeri ini masih rendah iaitu 21 peratus atau kira-kira 268,000 individu.

Beliau yang ditemui pemberita ketika meninjau kerja-kerja

akhir menukar tapak Madinah Ramadan di Stadium Sultan Muhammad IV, di sini menjadi PKRC yang baharu berkata, sebanyak 100 katil akan ditempatkan di situ.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

1,317 new Covid-19 cases, 4 deaths reported

KUALA LUMPUR: The Health Ministry recorded 1,317 new Covid-19 cases yesterday, raising the total number of infections in the country to 362,173, including 15,835 active cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sarawak registered the highest number of cases at 351 (26.7 per cent), followed by Selangor (303, or 23 per cent) and Kuala Lumpur (116, or 8.8 per cent).

"Other states with new daily infections were Penang (112), Sabah (109), Negri Sembilan (63), Johor (61), Kelantan (58), Kedah (47), Pahang (32), Terengganu (22), Perak (21), Melaka (11), Putrajaya (nine) and Perlis (two).

"Labuan registered no new cases," he said yesterday.

Dr Noor Hisham said of the total number of new cases, 1,305 of them were local infections (1,107 Malaysians and 198 foreigners), while 12 others were

imported (eight Malaysians and four foreigners).

"There are 188 cases being treated at Intensive Care Units, with 84 on ventilator support."

He said 1,052 new recoveries were reported, raising the total number of patients who have recovered from Covid-19 to 345,005 or 95.3 per cent.

Four deaths were reported, bringing the death toll to 1,333 (0.37 per cent), he added.

Dr Noor Hisham said 10 more Covid-19 clusters had been identified in the country, of which seven were linked to workplaces and three others were community clusters. This, he said, brought the total number of Covid-19 clusters to 1,469.

"Two of the new workplace clusters were reported in Pahang (Leepang and Indera Mahkota Tiga clusters), and one each in Selangor (Industri Balakong Lapan cluster), Johor (Jalan

Perjiranan Empat cluster), Kelantan (Jalan Stadium Empat cluster), Terengganu (Ara Murni cluster) and Putrajaya (Persiaran Salahuddin cluster).

"The community clusters were identified in Kedah (Kabu cluster), Pahang (Kampung Paya Pulai) and Perak (Jalan Canning Estate cluster)."

Dr Noor Hisham said up to yesterday, there were 345 active virus clusters with the most cases reported from the Sungai Kluang Empat cluster (33 cases), Sungai Kluang Satu cluster (32), and Industri Balakong Lapan cluster (30).

He added that 1,124 clusters had ended to date, including the eight clusters which ended yesterday.

They were the Batu Tiga Lama, Jambatan Satu Bombalai, Bukit Bayas, Jalan Distripark B6, Jalan DPB Enam, Lorong Murni, Perusahaan Amari and Meranti Utama clusters.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

CAN PREVENT SEVERE COVID-19 CASES

SINOVAC JAB CLEARED FOR ELDERLY

It is safe, effective and stable for senior citizens, says Khairy

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Sinovac Covid-19 vaccine has been cleared for use for senior citizens when Phase 2 of the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP) starts on April 19.

Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin said this was agreed upon by the Special Committee for Ensuring Access to Covid-19 Vaccine Supply (JKJAV).

Apart from the Sinovac vaccine, the Pfizer-BioNTech vaccine would also be given to senior citizens.

Khairy, who is NIP coordinating minister, said the committee had taken into consideration the latest data and the progress of Sinovac's use in other countries.

"The vaccine is found to be safe, effective and stable for senior citizens.

"Countries that have inoculated their population aged 60 and above (with the Sinovac vaccine) include Turkey (11 million), Brazil (seven million) and Chile (three million).

"JKJAV has reviewed the data and based on the trials in Brazil, (it showed that) the secondary efficacy against moderate and severe cases of Covid-19 for Sinovac was 83.7 per cent for moderate cases and 100 per cent for severe cases.

"So this vaccine is effective in



Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin (right) speaking at the weekly Covid-19 Immunisation Task Force press conference in Putrajaya yesterday. With him is Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba. BERNAMA PIC

preventing severe cases of Covid-19. This is what we want for the second phase and for senior citizens because more than 80 per cent of Covid-19 mortalities involved those aged 60 and above.

"We can give them 100 per cent protection against severe cases of Covid-19 with the Sinovac vaccine.

"This will be an important part of Phase 2 since the Sinovac vaccine has been cleared for use for senior citizens," he said during the weekly Covid-19 Immunisation Task Force press conference.

Present was Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

Khairy said the second phase of the NIP would proceed as planned.

Up to yesterday, 31,776 appointments for vaccine recipients had been sent out via the MySejahtera app as well as SMS.

More than 50,000 notifications on vaccination appointments were scheduled for dissemination yesterday, Khairy said.

Of the 31,776 appointments issued, he said 13,218 had responded that they would be present for the appointments, while 18,215

had yet to respond.

A total of 343 people said they would not attend the appointments, said Khairy.

He said those who refused the first appointment would be issued with a second one.

Should they turn it down again, the authorities would investigate the reason for the refusal, he added.

He urged those who received the notifications to respond as it would help the authorities with planning the vaccination schedule as well as preventing vaccine wastage or oversupply.

He criticised the "greed" by certain developed countries in over-purchasing vaccines, which had led to a global delivery and supply problem that had also affected Malaysia.

Malaysia had received 1.3 million doses of the vaccine due to the slow delivery schedule, he added.

"This is because of the global supply chain, which is facing problems and challenges, and also due to the attitude of developed countries that bought and booked huge numbers of vaccines to the extent that they are able to inoculate each of their residents up to five times and more.

"Their greed is the cause of vaccine supply problems in developing countries like Malaysia and Australia."

He, however, said Malaysia would have adequate vaccine supply to complete Phase 1 and for the rollout of Phase 2 on April 19.

To date, 979,794 people have been vaccinated since the NIP kicked off on Feb 26.

Of the number, 395,891 have been fully inoculated, while 583,903 are waiting for their second dose.

More than 8.5 million people have registered for inoculation.

He said Malaysia would receive up to 712,530 doses this month and vaccine supplies would be received on a weekly basis.

"We are looking at an additional 200,000 doses of finished product vaccines from Sinovac's China factory.

"For this week, we will receive 133,380 doses on April 14, 31,590 doses on April 15 and 12, 870 doses on April 16.

"This week, we will get 177,840 doses of the Pfizer-BioNTech vaccine."

Private hospitals can join NIP, says health minister

KUALA LUMPUR: Private hospitals will be allowed to administer Covid-19 vaccines under Phases 2 and 3 of the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP).

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba yesterday said the government had agreed to involve private hospitals in the NIP, which would see them serve as vaccination centres.

The vaccines, he said, would be given for free to private hospitals to maximise access to vaccine distribution, covering a wider population.

"The government has agreed on this after taking into account recommendations submitted by private hospitals that do not want to be left out in mobilising the workforce to ensure Malaysia achieves its target of inoculating at least 80 per cent of the population."

Dr Adham said private hospitals that were interested in taking part in the programme could register via the ProtectHealth Corporation website at www.protecthealth.com.my starting yesterday.

"Through the website, private hospitals can get information related to vaccination methods, the scope of duties, requirements, payment rates and payment methods.

"There are 203 private hospitals in Malaysia and the Health Ministry welcomes all of them to contribute resources for the welfare of the people and the country."

He said on March 8, the ministry had announced the involvement of private general medical practitioners (GPs) in the NIP.

The number of GPs registered up to April 11 was 2,304, Dr Adham said.

He said registered GPs and private hospitals would be briefed and trained on the scope of work in the NIP.

"Complete guidelines and manuals will be provided as a reference in handling the administration of vaccines to Phases 2 and 3 target groups.

Dr Adham said: "With this initiative, Malaysians will be vaccinated from government or private facilities.

"Vaccine recipients will be informed through MySejahtera regarding the vaccination centre location.

"The Health Ministry is optimistic that this action will boost the confidence of Malaysians to get the vaccine and will increase the number of vaccine registrations.

"The public-private cooperation in the NIP is welcomed by the government and will open more possibilities for cooperation in healthcare services in the future."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS/NATION

MOBILISING RESOURCES

DR ADHAM: SARAWAK SPIKE WORRYING

We need to address the infections before they get out of control, says minister

DAWN CHAN
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

ALL eyes are on Sarawak where Covid-19 cases have spiked since the start of the year, leading to the emergence of 56 community and workplace clusters.

The state's infectivity rate, or R-Naught (RO) value, has hit 1.08, which was a cause for concern, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said the situation in Sarawak was worrying, which had warranted a special Covid-19 meeting to figure out how to stop virus transmissions.

The meeting yesterday was chaired by Dr Adham, and attended by his deputies, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, the Sarawak health director and district chiefs, as well as the state's hospital heads.

"Since Jan 9, Covid-19 cases in Sarawak have increased, and up until today, it has not shown any sign of slowing down.

"We need to address the infections before they get out of control.

"Yesterday (Sunday), out of 1,739 new infections, 443 came from Sarawak, the state with the second highest number of new infections.

"To ensure that Sarawak beats Covid-19 transmissions, I will fly to Sarawak this evening (yesterday) to meet the state government and to ensure sufficient mobilisation of human resources, such as doctors, nurses and assistant medical officers, test kits, personal protective equipment and logistics," he said.

"We also need to set up Covid-19 quarantine and low-risk treatment centres in several towns," he said during the weekly Covid-19 Immunisation Task Force press conference yesterday.

He said the RO value in Sarawak and nationwide, which was 1.06, could scupper the forecasts made on April 1 of only 500 cases a day in May.

This estimate was based on the assumption that the RO value would dropped from 1.2 to 0.8, he said.

"However, the RO value in Malaysia is now at 1.06 and Sarawak at 1.08.

"The situation is not encouraging and worrying.

"This is due to people's non-compliance with the standard operating procedures.

"We need to focus on following them together.

"We will ensure that all measures to control the infections are carried out, especially in Sarawak, Penang, Johor and Selangor, where cases are rising," Dr Adham said.



Shoppers at a mall in Kuching recently. Since Jan 9, Covid-19 cases in Sarawak have increased. PIC BY NADIM BOKHARI

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Adham to meet S'wak govt over spike in new cases

PETALING JAYA: The rise in Covid-19 cases in Sarawak is a cause for concern with most coming from clusters detected in the community, says the Health Minister.

Datuk Seri Dr Adham Baba said the Covid-19 infectivity rate in Sarawak had been rising since January.

He said he chaired a special Covid-19 meeting on Sarawak with relevant ministry personnel and Sarawak officials to seek remedies.

"We discussed the current situation as well as the needs of the state to ensure the virus does not continue to spread and get out of control.

"I will meet the state government and look at the steps to be taken and manpower needed such as the mobilisation of doctors, healthcare personnel, nurses and those in the allied health science group.

Dr Adham said the Rt (reproduction rate) in Sarawak was at 1.08, compared to the national figure of 1.06.

Rt is an indicator of how fast Covid-19 is spreading and refers to the reproduction number at a particular point in time.

On Sunday, Sarawak recorded the second highest Covid-19 cases in the country at 443, behind Selangor's 535 cases.

Dr Adham said since January, Sarawak recorded 39 community clusters and 17 workplace clusters.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Slight decline in new cases compared to previous day

PUTRAJAYA: Covid-19 daily figures saw a slight decline with 1,317 new cases detected compared to the 1,739 infections recorded the day before.

However, new cases remained higher than recoveries for the fifth straight day – which means the number of active cases continued on an upward trend.

The new total of active cases is now 15,574 – up from 14,097 recorded on April 7.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sarawak recorded the highest number of new cases out of all states with 351 cases.

“Of the state’s total, 21 cases have been uncovered from existing clusters while another 235 are those detected from contact-tracing activities.

“Another 95 cases are sporadic ones detected from other Covid-19 screening activities,” said Dr Noor Hisham in his daily update.

Selangor has the second highest figure with 303 new cases, followed by Kuala Lumpur (116), Penang (112) and Sabah (109).

Cumulatively, the number of confirmed cases in the country is 362,173.

Four more people in Malaysia have succumbed to Covid-19, taking the country’s coronavirus death toll up to 1,333.

Dr Noor Hisham said all four were Malaysians aged between 45 and 74.

“Two of the deaths were in Kuala Lumpur while the other two were reported in Sabah and Selangor. The ministry extends its condolences to the family members,” he added.

The fatality in Sabah has been classified as a “death on arrival” case at Tawau Hospital.

The deceased was a 58-year-old man who suffered from hypertension, heart disease and dyslipidemia.

At present, there are 188 patients battling the virus in intensive care units nationwide.

Of that total, 84 are put on ventilator support.

Meanwhile, a Covid-19 cluster originating from a social event in Taman Canning, Ipoh has resulted in the discovery of 39 confirmed infections.

Named the Jalan Canning Estate cluster, the outbreak started from a 34-year-old woman who is a China national.

The cluster is one of three community outbreaks detected by the ministry yesterday.

There are also seven new clusters detected from workplaces.